

PRULink Dyna Cap Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2023 melainkan jika dinyatakan

Ciri-ciri Dana

Objektif Pelaburan	Dana ini berusaha untuk memberikan tahap kepastian yang tinggi dalam nilai dan kecairan dengan melabur dalam portfolio instrument pasaran wang jangka pendek dan cair atau akaun deposit.
Strategi Pelaburan & Pendekatan	Dana ini melabur dalam portfolio instrument instrument pasaran wang jangka pendek dan cair atau akaun deposit yang mempunyai tahap kepastian yang tinggi dalam nilai dan kecairan.
Peruntukan Aset	Melabur dalam portfolio instrument pasaran wang jangka pendek atau akaun deposit.
Piawaian Prestasi	Tidak berkenaan untuk produk berstruktur.
Pengurus Dana	Prudential Assurance Malaysia Berhad 198301012262 (107655-U) Peranan pengurus dana semata-mata bersifat pasif dan tidak budi bicara.

Yuran & Caj


Caj Pengurusan Dana	Tiada.
Caj Serahan	Tiada

Sila ambil perhatian bahawa **PRULink Dyna Cap Fund** bukanlah produk patuh Shariah dan prestasi pelaburan dana itu tidak dijamin.

PRULink Dyna Cap Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2023 melainkan jika dinyatakan

Prestasi Dana



Nota: Graf-graf adalah bagi tujuan penjelasan sahaja. Prestasi masa lalu bukan tanda prestasi masa depannya.

Tahun	Prestasi PRULink Dyna Cap Fund	Piawaian Prestasi
2021	0.95%*	N/A
2022	2.37%	N/A
2023	2.36%	N/A

*Prestasi dana adalah dari tarikh lancar dana sehingga akhir tahun untuk tahun yang sama.

Sumber: Lipper IM dan Bloomberg, 31 Disember 2023

Notis: Prestasi dana masa lalu bukan tanda prestasi masa depannya. Ini hanya adalah bagi prestasi dana pelaburan / dasar, dan bukan pulangan daripada premium yang dibayar oleh produk insurans berkaitan pelaburan.

Asas kiraan prestasi masa lalu:

$$= \left(\frac{\text{Nilai Aset Bersih pada akhir Tahun } n}{\text{Nilai Aset Bersih pada akhir Tahun } n - 1} - 1 \right) \%$$

PRULink Dyna Cap Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2023 melainkan jika dinyatakan

Risiko-Risiko Pelaburan

Risiko Pasaran

Pulangan pelaburan Dana ini berkait rapat dengan tahap kadar faedah jangka pendek untuk instrument pasaran wang dan/atau kadar akaun deposit. Naik turun kadar ini akibat perubahan dan perkembangan dalam faktor-faktor ekonomi, dasar kewangan dan faktor-faktor geo-politik akan memberi kesan kepada pulangan yang diperolehi oleh Dana ini.

Kadar Faedah & Risiko Kredit

Dana ini terdedah kepada risiko kredit penerbit instrumen pasaran wang, dan/atau risiko kredit institusi penerima deposit bagi akaun deposit. Mana-mana faktor yang boleh menjejaskan kemampuan penerbit/penerima deposit dalam memenuhi obligasi penebusan instrumen boleh mengakibatkan keingkaran instrumen tersebut dan menjejaskan nilai Dana. Risiko ini dikurangkan dengan memberi tumpuan kepada penerbit/penerima deposit dengan kedudukan kredit yang tinggi, dan/atau dengan menggunakan apa-apa mekanisme penambahbaikan kredit lain untuk mengurangkan pendedahan risiko kredit Dana.

Risiko Kecairan

Risiko di mana ia mungkin sukar membuat pencairan atau taksiran kedudukan anda dengan adil akibat keadaan pasaran.

Pengurusan Risiko

Risiko Operasi

Prudential Assurance Malaysia Berhad mempunyai prosedur pengurusan dan kawalan risiko bagi menilai, memantau dan mengehendak risiko operasi berhubung penilaian unit.

PRULink Dyna Cap Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2023 melainkan jika dinyatakan

Maklumat Lain

Pasaran Sasaran

- Daya toleransi risiki rendah

Dasar & Kekerapan
Tarikh Penilaian

- Penghargaan unit dilakukan secara mingguan kecuali untuk keadaan luar biasa.
- Harga unit bagi dana **PRULink Dyna Cap Fund** pada sebarang Tarikh Penilaian hendaklah bersamaan dengan Nilai Aset Bersih Dana dibahagi dengan bilangan Unit yang diterbitkan bagi Dana berkenaan pada Tarikh Penilaian itu.
- Nilai Aset Bersih bagi dana **PRULink Dyna Cap Fund** pada mana-mana Tarikh Penilaian adalah nilai semua aset Dana berkenaan selepas memotong belanja bagi menguruskan, memperolehi, penyenggaraan dan penilaian aset Dana, cukai atau levi mengikut undang-undang yang ditanggung oleh Syarikat ke atas pendapatan pelaburan atau keuntungan modal aset Dana berkenaan dan sebarang pendapatan terakru atau yang dijangkakan.

Keadaan-keadaan
Luar Biasa

Dalam keadaan yang amat luar biasa, contohnya apabila terdapat penebusan atau pencairan unit lebih daripada biasa dalam Dana itu dalam jangkamasa singkat, Syarikat berhak menanggungkan bayaran sebarang Manfaat Penyerahan untuk tempoh tidak lebih daripada 6 bulan dari tarikh di mana bayaran sepatutnya telah dibuat dalam keadaan biasa.

Syarikat boleh menggantung penilaian Unit dan semua urusan polisi mengikut Polisi berkenaan jika satu atau lebih daripada perkara di bawah berlaku:

- a) sekatan atau penangguhan dagangan bagi mana-mana pasaran prinsipal atau bursa saham atau bursa komoditi berkenaan;
- b) penangguhan dagangan dalam unit-unit bagi dana berkenaan;
- c) penangguhan penerbitan indeks berkenaan;
- d) hari Selasa adalah cuti am di dalam mana-mana pasaran prinsipal atau bursa saham atau bursa komoditi berkenaan; atau
- e) sebarang kejadian lain yang menghalang penentuan Nilai Aset Bersih seunit bagi dana berkenaan, pewujudan atau penebusan unit-unit Dana itu.

Senarai keadaan-keadaan luar biasa di atas tidak lengkap. Sila rujuk kepada dokumen polisi anda untuk butir-butir yang lengkap.